

Kerjasama Asean + 3 penting: Syed Hamid

Daripada Zulkofli Jamaludin

BH 24 JUL 2000

BANGKOK, Ahad – Kerjasama Asean + 3 (China, Jepun dan Korea Selatan) adalah penting kerana negara terbabit memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi di rantau ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata walaupun tidak dikenali Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) kerjasama itu membolehkan negara anggota mengadakan kerjasama ekonomi.

“Kita gembira dengan kerjasama 10 anggota Asean dengan tiga negara utama di Asia Pasifik walaupun ia tidak dikenali EAEC,” katanya selepas mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar Thailand, Dr Surin Pitsuwan di sini, hari ini.

EAEC dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 10 tahun lalu bagi mengadakan kerjasama ekonomi, meningkatkan kerjasama serantau serta mengukuhkan sistem perdagangan multilateral.

Tahun ini tiga mesyuarat membabitkan Asean + 3 diadakan bermula mesyuarat menteri perdagang-

“
**Walaupun tidak dikenali
Perundingan Ekonomi Asia Timur
(EAEC) kerjasama itu
membolehkan negara anggota
mengadakan kerjasama ekonomi**
”

– Datuk Seri Syed Hamid Albar

gan di Myanmar serta menteri kewangan (Thailand) pada Mei lalu dan disusuli mesyuarat menteri luar pada AMM ke-33 ini.

Dalam pertemuan selama kira-kira 40 minit itu, kedua-dua pemimpin membincangkan isu kerjasama dua hala termasuk sempadan, pengedaran dadah dan kerjasama membangunkan sumber manusia.

Sebelum itu, Syed Hamid mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar Filipina, Domingo Siason Jr, sebelum semua menteri luar menghadiri jamuan makan malam.

Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean (AMM) selama dua hari bermula esok dan diikuti Forum Serantau Asean (ARF).

Syed Hamid berkata,

menerusi kerjasama itu kedua-dua negara akan bertukar maklumat mengenai masalah sempadan.

Mengenai pertemuan dengan Siazon, Syed Hamid berkata, beliau yakin isu penahanan tebusan oleh Kumpulan Abu Sayyaf dapat diselesaikan Kerajaan Filipina.

Sementara Dr Surin berkata, Malaysia dan Thailand mempunyai hubungan kerjasama yang kukuh termasuk dalam pembangunan sumber manusia dan perikanan.

“Malaysia banyak membantu melatih tenaga kerjasama dalam pelbagai bidang. Dalam perikanan pula, (bekas Menteri Pertanian, Tan Sri) Sulaiman Daud pernah mengadakan lawatan ke negara ini,” katanya.